

Di Bawah Kibaran 1 BENDERA

Penulis:

Ku Hasnan Ku Halim

Emel:

hasnan@uthm.edu.my

Abstrak: Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik masa kini yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada Negara Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia.

Kata kunci: Konsep, pembentukan, bangsa, tamadun manusia



1 Di Bawah Kibaran BENDERA

CU HASNAN CU HALIM



Penerbit UTHM

DEDICATED TO THE HEROIC FIGHTERS IN THE CAUSE OF PEACE AND FREEDOM
MAY THE BLESSING OF ALLAH BE UPON THEM



مباركوا
الذين
ماتوا
في سبيل
السلامة
والحرية
رحمة
الله
عليهم
أجمعين

1 *Di Bawah Kibaran* **BENDERA**

KU HASNAN KU HALIM


**Penerbit
UTHM**
2020

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ku Hasnan Ku Halim

Di Bawah Kibaran 1 BENDERA / KU HASNAN KU HALIM.

ISBN 978-967-2389-17-0

1. Nationalism--Malaysia.
2. Malaysia--Politics and government.
3. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

320.5409595

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8529/8698

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8529/8698

No. Faks: 07-453 6145

Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Pena Menari</i>	<i>ix</i>
Bab 1 : Pengenalan	1
Bab 2 : Negara; Menelusuri Konsep-Konsepnya	5
Bab 3 : Dinamisme Pembentukan Bangsa di Rantau Asia daripada Etnik Kepada Sivik	33
Bab 4 : Bangsa Malaysia Idaman; Pembinaan, Pengukuhan atau Pemerksaan?	65
Bab 5 : Malaysia Tanah Leluhur ; di Mana Bumi di Pijak, di Situ Langit di Junjung	77
Bab 6 : Kitalah Malaysia dan Malaysia Adalah Kita	89
<i>Bibliografi</i>	93
<i>Biografi</i>	97
<i>Indeks</i>	99

Prakata

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik dan hidayah-Nya buku kecil Di Bawah Kibaran 1 Bendera telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini ditulis dengan mengetengahkan Isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik masa kini yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada Negara Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia.

Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak diatas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah.

Penulisan di dalam buku ini merupakan pandangan peribadi penulis semata-mata dan tidak mewakili mana-mana pihak

**KU HASNAN BIN KU HALIM
(PAK KU)**

Pena Menari.....

Dunia penulisan sebagai budaya-sepatah perkataan boleh mengubah dunia..... Berfikir sesaat lebih baik dari solat sunat seribu rakaat

Fajar 2018 menjelma meninggalkan jauh bening senja merah 2017 dengan 1000 macam kisah suka dan duka. Yang pastinya kepada insan yang berjiwa pejuang, hidup itu perlu diteruskan walaupun mati itu pasti. Atas nama cinta itulah juga terlahir kita untuk melihat dunia ini.

Keintelektualan Ibnu Khaldun melalui buku *Muqadimahny*a bukan sahaja berguna kepada bumi Arab tetapi telah membuka ruang kepada berkembangnya pemikiran tamadun manusia. Auguste Comte menyajikan *teori Fungsionalnya*, Karl Marx dengan *teori konfliknya*, Dukheim, weber, Sigmund Freud dan lain-lain lagi yang tulisan mereka sehingga hari ini terus dikaji. Dunia kini semakin maju, menulis kini bukan sekadar di atas kertas tetapi juga di media maya yang memudahkan maklumat disebar dengan cepat dan pantas.

Mari kita gerakan budaya menulis walaupun terpaksa menulis sedikit dari kehidupan kita. Kebijaksanaan dan kepandaian tidak akan mendatangkan apa-apa jika kita tidak membuktikan melalui tulisan. Mungkin sesetengah dari kita beranggapan usaha-usaha seperti ini nampak sukar dan tegang untuk dilakukan tetapi berita baiknya adalah semua kesukaran itu akan cair seperti matahari yang memancar sinar dari atas terhadap daun yang lembab dan basah.

Pengetahuan itu adalah kuasa dan kurniaan. Dan anugerah itu tidak dapat dicabut dari seseorang dengan sewenang-wenangnya. Biarlah tulisan kita akan kekal selama-lamanya dan sejarah akan menghakimnya serta putih akan mengatasi hitam akhirnya.

Ilmu bukan jaminan untuk hidup senang tapi untuk kita bina hidup bermaruah agar tidak ditindas oleh orang yang bijak pandai. Ilmu juga bukan tiket untuk meraih kemewahan tapi untuk kita jadi bangsa berdaulat agar tidak dijajah sekali lagi.

KU HASNAN KU HALIM




PENGENALAN

Negara bangsa sepertimana pohon yang sedang membesar dan memerlukan tanah yang subur dan sesuai untuk memastikan pertumbuhannya itu lancar dan mekar. Sepertimana tanah yang subur tadinya, tapak dan landasan epistemologi di dalam memahami dinamika pembinaan negara bangsa cukup penting dan sangat diperlukan supaya negara bangsa yang diidamkan ini dapat direalisasikan dengan setiap kepentingan-kepentingan yang pelbagai di negara Malaysia yang majmuk ini dapat dipenuhi dengan adil dan saksama. Buku bacaan ini di tulis dimulai dengan membicarakan mengenai konsep-konsep utama yang digunakan di dalam bahan bacaan buku tulisan ini.

Proses pembinaan negara bangsa adalah suatu proses yang berterusan dan tidak boleh dipandang sambil lewa. Selagi model negara bangsa ini menjadi model yang diterima oleh masyarakat untuk menguruskan kehidupan bernegara selagi itulah usaha-usaha untuk mengukuhkannya perlu dilakukan secara serius serta bersungguh-sungguh dengan iltizam yang tinggi. Negara bangsa sepertimana sebatang pohon yang sedang tumbuh membesar ianya harus sentiasa disiram, dibaja dan dijaga dengan rapi agar pohon yang tumbuh membesar itu akan menjadi pohon yang tegap, kukuh dan rendang, dengan akar yang kuat, daun yang sihat, bunga yang mekar dan buah yang segar serta dapat meneduhi semua yang bernaung di bawahnya dan memberi manfaat kepada semua.

NEGARA BANGSA

Ekoran teretusnya Revolusi Inggeris 1688, Perang Kemerdekaan Amerika 1776 dan Revolusi Perancis 1789 pada penghujung abad ke-18 dan 19 telah menyebabkan munculnya idea negara bangsa di Barat




NEGARA; MENELUSURI KONSEPNYA

Cita-cita politik moden seperti keadilan, kebebasan, kerajaan berperlembagaan, dan kepatuhan terhadap undang-undang telah pun dimulakan sejak zaman Greek kuno ketika para sarjana di sana mulai menumpukan kajian terhadap negara-kota. Negara-kota di Greek adalah berbeza dengan persekutuan-persekutuan perlembagaan politik yang terdapat di alam moden. Negara-kota di Greek menganut demokrasi langsung yang dijalankan seluruh rakyat dalam sebuah mesyuarat agung bernama Sidang Ecclesia. Ianya merupakan sesebuah pertubuhan yang mesti dikunjungi oleh setiap-tiap warga lelaki selepas berumur 20 tahun. Sidang Ecclesia bersidang 10 kali dalam setiap tahun yang mempunyai tugas *legislative* seperti penggubalan undang-undang kerajaan. Selanjutnya kewujudan negara-kota dan perkhidmatannya merupakan titik mula kemunculan negara moden hingga setakat ini (Sabine, 1963 : 7-11).

Pada mulanya teori asal usul negara terbahagi menjadi dua bahagian iaitu : pertama, teori yang bersifat ketuhanan. Teori ketuhanan merupakan teori tertua mengenai asal usul kenegaraan. Teori ini menjadi kepercayaan sebahagian besar masyarakat di Mesir, India, Yahudi dan masyarakat pertengahan Negara-negara Eropah. Merujuk pada perjanjian terdahulu bahawa Tuhan adalah punca kuasa daripada negara. Bangsa Yahudi percaya bahawa Tuhanlah yang menetapkan seorang raja, ia diturunkan untuk memimpin sekali gus memberantas peraturan-peraturan zalim (Karen Armstrong, 1994 : 43-45).

Kedua, teori yang berasaskan kuasa di mana negara merupakan penyatuan kuasa-kuasa politik dan merupakan lembaga utama daripada kekuasaan politik. Menurut teori ini negara muncul terbentuk dari salah satu impak penaklukan kaum lemah oleh kaum kuat. Teori ini berasaskan pada pemikiran psikologi di mana sifat manusia ialah agresif. Sifat ini membawa manusia untuk terus menerus meraih




BANGSA IDAMAN DI RANTAU ASIA: DARI ETNIK KE SIVIK?

Bangsa adalah satu struktur binaan asas kepada politik dalam sesebuah negara dan antaraabangsa. Kuasa dan pengaruh negara tidak sekadar terletak kepada kuasa kebendaan (ekonomi dan ketenteraan) tetapi juga kepada kuasa ideasional, dan kesahihan bangsa. Sebuah negara yang lemah dimensi ideasional dan bangsanya tidak akan kekal sebagai sebuah kuasa besar, seperti yang ditunjuk oleh Kesatuan Soviet. Keadaan bangsa dengan itu, adalah sangat penting. Namun begitu, perkara ini telah diabaikan oleh banyak kajian hubungan antaraabangsa. Kebanyakan penganalisa dalam masyarakat sarjana, politik dan pemikir seringkali mengabaikan kedaulatan bangsa dan seringkali menyebut-nyebut dengan gembira tentang negara-negara seperti Cina, India, Indonesia, Malaysia dan lain-lain. Berakar umbi di Eropah, idea bangsa ini mempunyai sejarah yang lebih panjang di negara tersebut.

Walaupun banyak negara di Asia mempunyai sejarah yang panjang sebagai entiti-entiti politik (beratus, malahan beribu tahun), kemunculan mereka sebagai bangsa moden adalah suatu fenomena terkini. Selain dari Jepun dan Thailand, semua negara Asia yang lain muncul sebagai bangsa moden selepas Perang Dunia II. Mungkin kita boleh melakar sejarah kemunculan China sebagai sebuah bangsa yang moden dari tahun 1911 sewaktu kejatuhan dinasti Qing oleh para nasionalis negara itu. Walau bagaimanapun, bentuk kontemporari semasa negara ini bermula sejak zaman pembentukan Republik Rakyat China (PRC) pada tahun 1949. Semua negara lain menjadi negara-negara merdeka selepas Perang Dunia II. Sempadan kewilayahan dan populasi penduduk mereka diwarisi sejak zaman pentadbiran penjajah, dengan puak elit terdahulu berusaha untuk membentuk landasan kenegaraan, jenis sistem politik dan untuk membangunkan institusi-institusi negara yang efektif.

4



BANGSA MALAYSIA IDAMAN; SEJAUHMANAKAH KITA?- PEMBINAAN, PENGUKUHAN ATAU PEMERKASAAN?

Konsep Bangsa Malaysia perlu dilihat dalam konteks Wawasan 2020. Wawasan ini, mula disingkap pada tahun 1991, telah menggariskan aspirasi kerajaan untuk menukar Malaysia menjadi sebuah negara industri dalam tempoh satu generasi menjelang fajar tahun 2020. Kepercayaan yang berpaksi pada akal budi bicara pada waktu itu adalah bahawa aspirasi ini akan dapat dicapai dengan syaratnya negara ini boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya tujuh peratus setahun dari masa Wawasan 2020 itu di utarakan sehinggalah menjelang fajar tahun 2020. Namun demikian turut dibayangkan bahawa negara Malaysia ini tidak perlulah meniru lain-lain negara membangun, tetapi sebaliknya menjadi sebuah negara membangun dalam acuannya sendiri.

Malaysia tidak boleh dibangunkan hanya dalam aspek ekonomi semata-mata. Ia mestilah dan seharusnya menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya sepanjang semua dimensi dari sudut ekonomi, politik, kerohanian, psikologi dan budaya. Kita mesti membangun sepenuhnya dari sudut perpaduan dan solidariti nasional dan kesinambungan sosial, dari aspek ekonomi kita, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem dan kerajaan, kualiti hidup, nilai sosial dan kerohanian, juga pemupukan rasa bangga, jati diri, patriotisme dan yakin akan negara tercinta ini.

Di singkap tabir sejarah warisan pengalaman silam, sejarah pra-kolonial telah menunjukkan Malaysia adalah sebahagian daripada gugusan kepulauan Alam Melayu yang terdiri dari beberapa negeri dari timur di Filipina, ke selatan di Pulau Jawa, di barat Pulau Sumatera dan utara Pattani. Setiap negeri ini diperintah oleh raja. Kegiatan ekonomi utama adalah bertani, nelayan dan berdagang dengan



MALAYSIA TANAH LELUHUR ; DIMANA BUMI DI PIJAK, DI SITU LANGIT DI JUNJUNG

Masyarakat majmuk yang terhasil di Malaysia tidak tercipta dengan sendirinya mahupun berlaku dalam satu atau dua dekad. Percampuran kaum yang kelihatan hari ini merupakan rentetan sejarah yang berlaku sejak zaman kesultanan Melayu Mekika sehingga ke zaman penjajahan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Kehadiran penjajah telah membawa sama masyarakat majmuk Malaysia, merencamkan keadaan yang sedia ada sebelum itu. Pembentukan bangsa dan identiti nasional kemudian menjadi cabaran utama bagi sebilangan negara merdeka yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya seperti di Malaysia. Sifat masyarakat majmuk ini jelas menggambarkan kedudukan yang terpisah mengikut fungsi ekonomi dan budaya berdasarkan etnik dan disertakan lagi dengan pengukuhan sentimen primodial seperti kaum, bahasa, agama dan sebagainya.

Fumivall (1948) merumuskan bahawa penjajahan dan kapitalisme merupakan faktor utama yang telah mencetuskan masyarakat majmuk yang dipecahkan berdasarkan etnik dan fungsi ekonomi. Kerencaman ini juga menjadi cabaran dalam pembinaan negara bangsa yang mana rakyatnya berkongsi matlamat dan aspirasi bersama. Meskipun pelbezaan amat nyata dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia, ruang perpaduan masih terbuka luas untuk diterokai dalam membina sebuah negara bangsa yang kuat menjelang tahun 2020. Dengan mendukung agenda pembangunan negara, masyarakat Malaysia dipercayai mampu mencapai tahap perpaduan yang diimpikan dalam sebuah negara yang dipanggil Bangsa Malaysia. Perbincangan ini akan mengupas dengan lebil terperinci beberapa persoalan penting seperti masyarakat majmuk, negara bangsa, konflik etnik, hambatan dan cabaran bermasyarakat dan agenda pembinaan Bangsa Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara multietnik dimana rakyatnya terdiri dari latar belakang bahasa, budaya dan agama yang berbeza.



KITALAH MALAYSIA DAN MALAYSIA ADALAH KITA

Tiada satupun negara di dunia ini didiami oleh sebuah bangsa sahaja waima Jepun, China, Arab Saudi dan beberapa negara lain yang dikenali sebagai “one state one nation”. Pasti ada beberapa kaum minoriti yang turut bersama mendiami negara tersebut. Seperti itu juga Indonesia yang ingin dikenali sebagai bangsa Indonesia, mereka juga sebenarnya dibentuk oleh pelbagai bangsa dan ras, tetapi hasil proses asimilasi, identiti bangsa yang berbeza itu dapat disimpulkan menjadi kesatuan yang mengikat di bawah slogan “Bhumika Tunggal Ika” yakni kepelbagaian di dalam kesatuan. “Bersekutu Bertambah Mutu” pula adalah cogan kata yang terpatri sekian lama di jata negara kita, Malaysia. Cogan kata yang mentakrifkan bahawa sebuah kompromi yang tulen pasti mampu menghasilkan hasil dan karya yang bermutu untuk dinikmati oleh sekalian rakyat di bawah panji Jalur Gemilang. Benar, rantau Nusantara ini adalah rantau asal masyarakat Austronesia yang di bawahnya terdiri daripada subketurunan bangsa Melayu sebagai payung utama kepada beberapa ratus etnik yang bertebaran di setiap pelosok kepulauan ini. Sejarah yang sekian lama dipadamkan oleh orientalis Barat jelas menunjukkan bahawasanya rantau kepulauan Nusantara ini terbentang luas dari Kepulauan Madagascar di barat sehingga ke kepulauan di lautan pasifik di timur. Namun sesungguhnya tanah yang kita diami ini adalah milik mutlak Rabbul Jalil yang mengkehendakkan agar kita tidak jumud berada di dalam ruang lingkup sesuatu kaum sahaja. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Hujurat ayat ke-13 yang bermaksud :

Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah lebih maha mengetahui dan maha mengenal”.

BIBLIOGRAFI

- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y.(2001). *A history of Malaysia* (2nd ed.). London: Palgrave Publisher Ltd.
- Arkib Negara Malaysia. (2005). *Sebab-sebab dan Kesan-kesan Pendudukan Jepun di Tanah Melayu* oleh Shahlin Ali dalam Meniti Catatan Sejarah Koleksi Artikel (2002-2003). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Azhar Mad Aros. (2006). *Militerisme Jepun 1895-1945: Polisi pelaksanaan di Tanah Melayu*.
- Barber, N. (1972). *The war of the running dogs, how Malaya defeated the communist guerrillas (1948-1960)*. Glasgow, Scotland: William Calling.
- Cheah Boon Kheng. (1979). *The masked comrades: A study of the communist united front in Malaya 1945-1948*. Singapore: Times Books International.
- Cheah Boon Kheng., & Abu Talib Ahmad. (1990). *Kolonialisme di Malaysia dan negara-negara lain*. Petaling Jaya, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti.
- Daniel, G. P.(1995). *Dr. Ling Liong Sik and the politics of ethnic Chinese unity*. Kuala Lumpur: Federal Publications
- Dutchmalaysia.net. (2001). *Malacca, a Dutch conquest not forgotten*. Retrieved from http://www.dutchmalaysia.net/lang_en/press/article_200105_Malacca_a_dutch_conquest_forgotten.html
- Gallaher, C., Dahlman, C. T., Gilmartin, M., Mountz, A., & Shirlow, P. (2009). *Key concepts in political geography*. London, England: Sage Publications.
- Hanrahan, G. Z.(1971). *The communist struggle in Malaya* (2nd ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya Press.
- INTAN. (1991). *Malaysia kita*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Tadbi-ran Awam Malaysia.
- K. Anbalan. (1999). The roles of Indians in Malaysian constitution. *Journal of Malaysia Studies*.
- Kennedy, J. (2007). *History of Malaya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Synergy Media.
- Khong Kim Hoong. (1984). *Merdeka: British rule and the struggle for*

- independence in Malaya 1945-1957*. Kuala Lumpur, Malaysia: Vinlin Press.
- Khoo Kay Kim. (1984). *Sejarah masyarakat Melayu moden*. Kuala Lumpur, Malaysia: Persatuan Muzium Malaysia untuk Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Kratoska, Pauh. H., & Abu Talib Ahmad. (1989). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu*. Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Law Chun Yuen. (2012). *British influence*. Retrieved from <http://malaysiahistory.wordpress.com/2012/07/11/british-influence/>
- Miller, H. (1972). *Jungle war in Malaya: The campaign against communism 1948 1960*. London, UK: Arthur Barker.
- Mills, L. A.(1960). British Malaya 1824-67. *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, 23(3), (No. 191). Singapore: University of Malaya.
- Mohamad Isa Othman. (1992). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Noordin Sopiee. (1976). *From Malayan Union to Singapore separation: Political unification in the Malaysia region, 1945-1965*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman. (2006). *Sejarah pembinaan negara bangsa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Mohd Idris Salleh, et. al. (1995). *Sejarah pembangunan bangsa dan negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Isa Othman. (2002). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Muhd Yusof Ibrahim. (1986). *Pengertian sejarah: Beberapa perbincangan mengenai teori dan kaedah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadel, G. H., & Curtis L. P.(1964). *Imperialism and colonialism*. New York: Macmilan.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (1999). *Sejarah perjuangan Melayu Patani, 1985-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Ballance, E. (1966). *Malaya: The communist insurgent war, 1948-1960*.

- Hamden, CT: Archon Books.
- Orchipalar. (2006). *Colonial Malaysia 1511-1957 AD*. Retrieved from <http://www.usj.com.my/bulletin/upload/archive/index.php/t-5080.html?s=>
- Purcell, V. (1955). *Malaya: Communist or free?*. London, UK: Victor Gollancz.
- Ramlah Adam. (1978). *UMNO: Organisasi dan kegiatan politik*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store.
- Ramlah Adam. (1999). *Sumbanganmu dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (2003). *Pejuang-pejuang kemerdekaan*. Batu Berendam, Melaka, Malaysia: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ramlah Adam. (2004). *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Roff, W. R.(2003). *Nasionalisme Melayu*. (Terj. Ahmad Boestamam). Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.